



## FACULTY OF LIBERAL ARTS

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
 Trimester & Year : May – August 2022  
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Remaja adalah tonggak kepimpinan serta harapan masa hadapan negara. Mereka merupakan generasi yang akan membentuk negara nanti. Namun begitu, isu sosial yang melibatkan para remaja di negara ini semakin meningkat sehingga ada yang melupakan adab dan menganggap perbuatan mereka sebagai perkara biasa. Jika masalah sosial ini tidak dibendung atau ditangani dengan kadar segera, lebih banyak lagi masalah atau isu-isu sosial akan dibangkitkan nanti.

Baru-baru ini pula, tular di media sosial memaparkan pelajar membuang buku ke sungai, dan ada yang menconteng pakaian dengan kata-kata kesat kepada guru. Faktor utama kejadian ini adalah disebabkan oleh remaja mentah dalam cara berfikir. Walaupun mempunyai kemampuan berfikir, namun mereka tidak memikirkan kesan yang diterima pada masa hadapan. Mereka lebih cenderung untuk memberontak, keluar daripada norma biasa yang dilakukan orang ramai. Jelas sekali, perkara sebegini memang mengundang rasa marah pelbagai pihak. Mereka seharusnya berfikir dengan lebih mendalam dan cuba memahami kesan yang diterima ekoran tindakan yang diambil itu.

Bukan itu sahaja, rakan sebaya juga adalah faktor yang menyumbang kepada kehilangan adab dalam kalangan remaja. Pergaulan semasa mereka meningkat usia ternyata memberi impak pada masa hadapan. Besar kemungkinan, mereka bertindak begitu kerana tertekan dengan lanjutan peperiksaan bagi pelajar Sijil Pelajaran Malaysia dan isu Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR). Banyak tekanan emosi yang dihadapi apabila terpaksa berhadapan dengan perubahan yang berlaku ketika pandemik. Tekanan dalam pelajaran serta kesukaran untuk belajar menyebabkan mereka melepaskan segala tekanan dihadapi dengan tindakan **membuta tuli**.

Impaknya sangat besar kepada negara jika masalah dalam kalangan remaja ini tidak ditangani dengan segera. Remaja merupakan pelapis kepada pemimpin negara. Mereka harus dijaga serta diberi didikan yang sempurna demi masa hadapan negara. Didikan harus diberi bermula daripada adab kepada mereka selari dengan rukun negara yang menekankan kesopanan dan kesusilaan.

*(Dipetik dan diubah suai daripada Kosmo Online, 8 Mac 2021)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa "**membuta tuli**" seperti yang terdapat dalam petikan di atas?  
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan yang sama, nyatakan **EMPAT (4)** faktor remaja menjadi biadab.  
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** langkah terbaik yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menjaga tingkah laku anak-anak mereka supaya lebih beradab?  
(4 markah)

## Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Masalah 3G iaitu gebu, gemuk dan gempal merupakan masalah kesihatan yang turut mempengaruhi psikologi individu. Kegemukan telah menyebabkan penyakit-penyakit kronik seperti jantung, koronari, diabetes dan strok menjadi popular di negara ini. Risiko lain berkaitan masalah 3G ini juga adalah seperti mendapat kanser payu dara, kanser kolon dan prostat. Dari aspek psikologi individu, didapati orang yang mengalami masalah ini mempunyai konsep sendiri yang rendah, mengasingkan diri daripada bersosial, dihuni kebimbangan dan lain-lain lagi. Kajian membuktikan bahawa masyarakat Amerika Syarikat mempunyai wang yang banyak tetapi menjalani kehidupan yang sibuk. Hal ini menyebabkan mereka lebih menggemari makanan segera. Tambahan pula, jika individu itu lebih suka **melayan perut** dengan makanan yang begitu menyelerakan tetapi tidak berkhasiat. Lebih teruk lagi, golongan ini sebenarnya malas untuk melakukan senaman bagi membakar kalori yang berlebihan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa *melayan perut*? (2 markah)
  
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT** kesan daripada masalah 3G? (4 markah)
  
3. Berikan pendapat anda tentang **DUA (2)** cara untuk mengatasi masalah kegemukan ini daripada berlarutan? (4 markah)

## TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.
  - I. peragut (2 markah)
  - II. pengawal (2 markah)
  - III. pencuci (2 markah)
  - IV. pesalah (2 markah)
  - V. pembantu (2 markah)

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Semua mangsa yang terlibat dalam trajedi bot karam itu merawat sebagai pesakit luar.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Kedai alatulis itu dibuka pada penghujung tahun lepas.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Pengacauan yang berlaku di negeri itu disebabkan oleh perbezaan fahaman ideoloji politik antara kaum.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Penduduk kampung membina tembok itu untuk dielakkan berlakunya hakisan.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Ruby terbawa anak-anaknya menonton pertunjukan sarkas di Stadium Bukit Jalil.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_

Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**SOALAN 1**

Sehingga kini, dianggarkan terdapat berjumlah 1.95 juta orang pendatang asing di Malaysia. Jumlah tersebut dianggarkan menyamai jumlah bilangan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang menetap di Malaysia. Angka tersebut adalah sangat membimbangkan dan menjadi masalah yang membelenggu masyarakat setempat.

Bincangkan masalah-masalah yang berlaku akibat daripada kebanjiran pendatang asing di Malaysia.

**ATAU;**

**SOALAN 2**

Keindahan alam sekitar di negara kita semakin terancam oleh aktiviti manusia. Pada masa yang sama kesedaran untuk menjaga keindahan alam sekitar dipandang remeh oleh orang ramai.

Pada pandangan anda, apakah kepentingan untuk mengindahkan alam sekitar dan apakah langkah yang perlu diambil untuk menjayakan usaha ini?

**ATAU;**

**SOALAN 3**

Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, keamanan dan keharmonian negara boleh dicapai jika rakyatnya mempunyai semangat bersatu padu.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mencapai semangat itu.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**